



MARKAS ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BAHAGIAN HAL EHWAL AWAM - J7

Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR
Tel: 03-2071 6423 Faks: 03-2071 6426

MATM/BHEA-J7.100-2/15/1 (03/01)

SIARAN AKHBAR

PROGRAM DERMA DARAH SEMPENA HARI ULANG TAHUN BAHAGIAN PERKHIDMATAN ANGGOTA KE-61 TAHUN 2020

KUALA LUMPUR, 4 Mac 2020 – Bahagian Perkhidmatan Anggota (BPA) Markas Angkatan Tentera Malaysia telah mengadakan Program Derma Darah Sempena Hari Ulang Tahun BPA Ke-61 pada 4 Mac 2020 bertempat di Dewan Seroja, Kem KEMENTAH. Program anjuran Jabatan Arah Pendidikan, Cawangan Tenaga Kerja dan Pusat Darah Negara turut dihadiri oleh Mej Jen Dato' Hj Azlan bin Abd Rahman, Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota (AKSPA). Program Derma Darah ini telah bermula dari jam 8.30 pagi dan seramai 400 orang warga KEMENTAH telah hadir sebagai penderma.

Semua pegawai dan anggota ATM, warga awam Kementerian Pertahanan dan Pusat Darah Negara telah bersama-sama berganding bahu bagi menjayakan program tersebut yang mana merupakan antara tanggungjawab sosial ATM kepada masyarakat. Turut hadir dalam program tersebut adalah Dr Noryati binti Abu Amin, Pengarah Pusat Darah Negara.

-TAMAT-

“KEDAULATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

**Bahagian Hal Ehwal Awam - J7
Markas Angkatan Tentera Malaysia
KUALA LUMPUR
4 Mac 2020
Dikeluarkan pada jam 8.00 pagi**